



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester 2, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5305

Nama Kursus : Undang-Undang Jenayah Islam

Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah

Masa : 3 jam

Nota :

Jawab kesemua soalan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (10 markah)

Syariah dan undang-undang sivil adalah peraturan-peraturan yang mengatur tindak laku manusia, namun kedua-duanya mempunyai perbezaan yang sangat ketara.

- i) Jelaskan definisi Syariah.

Kemudian nyatakan perbezaan di antara Syariah dan undang-undang sivil itu.

(5 markah)

- ii) Sumber undang-undang jenayah Syariah terbahagi kepada dua iaitu sumber yang disepakati ulama yang merupakan sumber prima dan sumber yang tidak disepakati yang juga disebut sebagai sumber sekunder Senaraikan kesemua sumber yang disepakati para ulama dan empat daripada sumber yang tidak disepakati.

(5 markah)

Soalan Kedua (10 Markah)

- i) Sesuatu tindakan dianggap jenayah apabila ia memenuhi elemen perundangan, elemen tindakan dan elemen kelayakan. Jelaskan maksud elemen perundangan dan elemen tindakan.

(4 markah)

- ii) Dalam beberapa keadaan, meskipun kesemua elemen telah terpenuhi, pelaku jenayah dikecualikan dari tindakan undang-undang. Salah satu

daripadanya adalah apabila jenayah berlaku berikutan dari tindakan untuk mempertahankan diri. Jelaskan bilakah masanya tindakan mempertahankan diri itu dianggap sebagai tindakan yang boleh mengecualikan pelaku dari diambil tindakan undang-undang.

(6 markah)

Soalan Ketiga (10 Markah)

Ahli-ahli perundangan Islam membahagikan jenayah bunuh kepada tiga kategori iaitu jenayah bunuh dengan sengaja (qatl al-'amd) , jenayah bunuh seperti sengaja (qatl syibh al-'amd) dan atau jenayah bunuh salah (qatl al-khata).

- i) Berikan definisi bagi jenayah bunuh dengan sengaja dan jenayah bunuh seperti sengaja dengan membawakan contoh bagi kedua-duanya.

(6 markah)

- ii) Niat memainkan peranan penting dalam menentukan hukuman ke atas jenayah nyawa dan kecederaan. Jelaskan apakah pengukur yang digunakan para ulama dalam menentukan sama ada seseorang penjenayah melakukan jenayah dengan niat sengaja atau tidak sengaja.

(4 markah)

Soalan Keempat (15 Markah)

- i) Seorang pelajar perempuan yang kini berada dalam tahun empat pengajiannya di salah sebuah universiti di Negara Brunei Darussalam didapati hamil. Pelajar berkenaan belum bernikah. Bolehkah pelajar tersebut

didakwa telah melakukan jenayah zina? Jawapan hendaklah disertai dengan menyatakan elemen zina dan pendapat para fuqaha.

(4 markah)

ii) Hasan Hamidi yang berjaya menamatkan kursus pendek selama dua bulan di luar negara, kembali ke Negara Brunei Darussalam dengan menaiki pesawat malam tanpa memberitahu keluarganya untuk memberi kejutan kepada isterinya. Beliau memasuki rumah dengan diam-diam dan membuka pintu kamar tidurnya secara perlahan-lahan. Hasan Hamidi begitu terkejut sehingga tidak dapat berkata-kata apabila mendapati isterinya bersama seorang lelaki asing sedang bercumbu-cumbuan di atas katil. Keesukan harinya, Hasan Hamidi memfailkan tuduhan berzina ke atas isterinya. Dalam keadaan *tidak mempunyai saksi sama sekali*, apakah yang patut dilakukan oleh Hasan Hamidi bagi membuktikan dakwaannya? Apakah pula kesan dari perkara tersebut ke atas hubungannya dengan isterinya itu.

(5 markah)

iii) Musim buah tiba lagi. Hampir kesemua pohon buah-buahan di kebun Haji Ali yang terletak di tepi jalan utama kampungnya mengeluarkan buah. Buah-buah yang masak ranum mengeluarkan bau wangi yang menggiurkan para pengguna jalan raya. Setiap balik dari sekolah, beberapa remaja memanjangkan tangan mereka memetik buah rambutan yang terjuntai keluar pagar. Pada hari Ahad yang baru lalu, sepasang suami isteri mengetuk rumah Haji Ali dan meminta izin untuk memetik rambutan dan pulasan bagi kegunaan mereka sendiri. Haji Ali memberi izin kepada pasangan itu untuk mengambil sedikit rambutan dan pulasan. Bagaimanapun apabila pasangan tersebut berada sangat lama di dalam kebunnya, Haji Ali bersama anaknya

masuk ke kebun dan mencari pasangan tersebut. Alangkah terkejutnya dua beranak tersebut apabila melihat pasangan suami isteri tersebut ikut memetik buah durian dari beberapa pokok dan melonggokkannya di hujung kebun Haji Ali dengan niat untuk memasukkannya ke dalam lori yang mereka letakkan di seberang jalan.

Bolehkah para remaja didakwa dengan tuduhan mencuri dan jika boleh dan dapat dithabitkan bolehkah mereka dikenakan hukuman hadd sariqah? Bagaimana pula dengan pasangan suami isteri yang mempunyai kebenaran untuk masuk ke kebun bagi mengambil rambutan dan pulasan tetapi sebaliknya telah mengambil buah durian dari beberapa pohon durian di kebun Haji Ali.

Bincangkan dengan membawakan hujjah dari Quran dan Sunnah.

(6 markah)

Soalan Kelima (5 Markah)

Dengan merujuk kepada ciri-ciri *zina*, nyatakan sama ada kesalahan di bawah termasuk dalam kategori jenayah *zina* yang mewajibkan ianya dihukum dengan hukuman hudud atau hanya merupakan kesalahan seksual yang dihukum dengan hukuman takzir.

- i) Seorang lelaki dan seorang perempuan tertangkap dalam keadaan berbogel di atas sebuah katil dalam sebuah kamar tidur di sebuah rumah sewa di Kampung Kati Mahar. Pasangan yang tertangkap mengaku berugama Islam dan memahami alasan penangkapan mereka.

(1 markah)

- ii) Seorang perempuan tertangkap dalam sebuah kerita, ketika sedang melakukan aksi seks kepada seorang perempuan lain sebagaimana yang

biasanya dilakukan oleh pasangan suami isteri. Ketika penggeledahan ke atas kerita itu dilakukan pegawai-pegawai penyiasa ugama menemui sebuah vibrator dan satu tiub pelincir. Kedua-dua perempuan adalah rakyat tempatan yang berugama Islam dan memahami perbuatan yang mereka lakukan adalah salah di sisi ugama.

(1 markah)

iii) Seorang duda berugama Islam mengaku telah melakukan persetubuhan dengan seorang pelajar perempuan non muslim yang berumur empat belas (14 tahun). Pengakuan telah dibuat sebanyak empat kali dalam 4 majlis yang berbeza.

(1 markah)

Iv) Seorang isteri mengadu di mahkamah bahawa suaminya seringkali memaksanya untuk membiarkan dirinya disetubuh dari belakang. Ketika perbicaraan si suami mengaku bahawa ketika bersetubuh dia telah memasukkan kemaluannya ke dubur isterinya. Kedua-dua pasangan adalah berugama Islam.

(1 markah)

iv) Seorang lelaki Islam mengakui bahawa kerana terpengaruh dengan filem porno yang ditontonnya, dia telah menyetubuh kambing peliharaannya. Dia menyatakan bahawa dia melakukannya kerana takut melakukan zina.

(1 markah)